

**CONSENT ISSUE AND DETERMINATION OF GIRLS AGE IN MALAYSIA
STATUTORY RAPE LAW: AN ANALYSIS FROM SHARIAH PERSPECTIVE**

**ELEMEN KERELAAN DAN PENETAPAN HAD UMUR REMAJA PERMPUAN DALAM
UNDANG-UNDANG ROGOL STATUTORI DI MALAYSIA: ANALISIS DARI PERSPEKTIF
SYARIAH**

Nur Aina Abdulahⁱ & Sayed Sikandar Shah@Haneefⁱⁱ

ⁱ Pelajar Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa.
bicasufi85@gmail.com

ⁱⁱ Professor, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa.
sayedsikandar@iiium.edu.my

Article Progress

Received: 16th October 2018

Revised: 5th December 2018

Accepted: 18th December 2018

Abstract	<p><i>The statutory rape under section 375 (g) of the Malaysian Penal Code refers to the intercourse of a man with a woman under the age of 16 either by the consent of the woman or without her consent. It is also known as underage rape where the element of the woman's consent is considered immaterial in law. However, based on the statistics and reports obtained from the Royal Malaysian Police (PDRM), the vast majority of these statutory rape cases are voluntary and consensual sexual intercourse between teenage couples, supposedly based on love. In fact, according to reports, the age limit of adolescent girls involved in this voluntary sex activity is around 13 to 15 years old, with a majority of whom are Muslim. Hence, it raises questions that need to be considered from the Shariah point of view. This paper aims to examine the consent issue (concept of willingness) and the age limit of adolescent girls contained in statutory rape laws from a perspective of Shariah perspective. A qualitative approach with content analysis study design is used as a methodology of this study. Secondary data that is the law and classical and contemporary Fiqh law has been used in the collection of research data. It is also supported by statistical data obtained directly from interviews with PDRM officers. The data were analyzed thematic and assisted by Atlas.ti software as facilitator tool. The findings show that consent issue and age limits of the girls in statutory rape laws in Malaysia are less relevant to today's developments, even less in accordance with Shariah principles. Therefore, proposals are proposed to harmonize this statutory rape law with Shariah principles for the sake of well-being and to preserve the dignity of women and to care for the offspring (hifz al-nasl).</i></p> <p>Keywords: Consent, age, rape, statutory, shariah.</p>
Abstrak	<p><i>Rogol statutori di bawah seksyen 375 (g) Kanun Keseksaan Malaysia adalah merujuk kepada persetubuhan seorang lelaki dengan seorang perempuan di bawah umur 16 tahun sama ada dengan kerelaan perempuan tersebut ataupun tanpa kerelaannya. Ia juga dikenali sebagai rogol bawah umur yang mana elemen kerelaan perempuan tersebut dianggap tidak penting di sisi undang-</i></p>

undang. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik dan laporan yang diperoleh dari pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM), majoriti besar daripada kes rogol statutori ini adalah merupakan kes persetujuan suka sama suka yang dilakukan secara sukarela antara pasangan remaja, kononnya atas dasar cinta. Malah, menurut laporan, had umur remaja perempuan yang terlibat dalam aktiviti seks sukarela ini adalah sekitar 13 hingga 15 tahun yang majoriti besarnya terdiri daripada mereka yang beragama Islam. Oleh yang demikian, ia menimbulkan seribu satu persoalan yang perlu difikirkan dari sudut Syariah. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji konsep kerelaan dan had umur remaja perempuan yang terkandung dalam undang-undang rogol statutori dari sudut perspektif Syariah. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis kandungan digunakan sebagai metodologi kajian ini. Data sekunder iaitu peruntukan undang-undang dan kitab klasik serta kontemporari Fiqh telah digunakan dalam pengumpulan data kajian. Ia juga disokong oleh data statistik yang didapati secara langsung daripada temu ramah dengan pegawai PDRM. Data dianalisis secara tematik dan dibantu oleh perisian Atlas.ti sebagai alat pemudah cara. Hasil kajian menunjukkan bahawa elemen kerelaan dan had umur remaja perempuan dalam undang-undang rogol statutori di Malaysia adalah kurang relevan lagi dengan perkembangan zaman pada masa kini, malah kurang menepati prinsip Syariah. Oleh itu, cadangan diusulkan untuk mengharmonikan undang-undang rogol statutori ini dengan prinsip Syariah demi kesejahteraan dan memelihara maruah wanita serta menjaga keturunan (hifz al-nasl).

Kata kunci: Kerelaan, umur, rogol, statutori, syariah.

PENDAHULUAN

Rogol statutori atau dikenali juga sebagai rogol bawah umur adalah suatu jenayah serius di sisi undang-undang. Ia termaktub dalam Kanun Keseksaan Malaysia seksyen 375 (g) seperti berikut:

375. Rogol

Seseorang lelaki adalah dikatakan melakukan “rogol” jika dia, terkecuali dalam hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, bersetubuh dengan seseorang perempuan dalam keadaan yang termasuk di bawah mana-mana daripada perihal-perihal yang berikut:

(g) sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak, apabila perempuan itu di bawah umur enam belas tahun. (Act 574, Penal Code, 2014).

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang tersebut, rogol statutori boleh didefinisikan sebagai persetujuan antara lelaki dengan seseorang perempuan yang di bawah umur enam belas tahun, sama ada dengan atau tanpa persetujuannya. Ini bermakna terdapat dua elemen penting yang terkandung dalam undang-undang rogol statutori, iaitu; kerelaan dan had umur remaja perempuan. Undang-undang menyifatkan elemen kerelaan dalam persetujuan oleh remaja perempuan di bawah umur enam belas tahun sebagai tidak penting dan tidak material. Ini kerana mereka dianggap masih belum dapat memahami jenis, kesan dan akibat daripada kerelaan yang mereka berikan dalam hubungan seks (Law of Malaysia, 2015). Ia juga bertujuan untuk melindungi remaja perempuan daripada eksploitasi dan penindasan seks.

Walaupun elemen kerelaan disifatkan tidak penting dalam mensabitkan sesuatu kes rogol statutori, terdapat perbezaan hukuman antara rogol statutori dengan kerelaan dan tanpa kerelaan. Hukuman bagi kesalahan rogol statutori dengan kerelaan adalah lebih ringan berbanding kesalahan rogol tanpa kerelaan. Seseorang lelaki yang disabitkan bersalah dalam rogol statutori dengan kerelaan boleh dipenjarakan hingga kepada suatu tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun. Manakala, hukuman bagi rogol statutori

tanpa kerelaan adalah mandatori penjara selama sepuluh tahun dan boleh sampai tiga puluh tahun seperti berikut:

376. Hukuman Bagi Rogol

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), barang siapa melakukan rogol hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan sebat.

(2) Barang siapa melakukan rogol ke atas seseorang perempuan di bawah mana-mana keadaan berikut:

(d) dengan tiada kerelaan perempuan itu, apabila perempuan itu di bawah umur enam belas tahun; hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari sepuluh tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun dan hendaklah juga dikenakan sebat (Act 574, Penal Code, 2014).

PERMASALAHAN KAJIAN

Statistik kes rogol statutori di Malaysia masih berada pada tahap yang membimbangkan meskipun penguatkuasaan undang-undang rogol statutori telah diperketatkan melalui pindaan undang-undang Kanun Keseksaan pada tahun 2014. Perkara yang lebih memeranjatkan adalah menurut laporan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), majoriti kes rogol statutori yang berlaku sebenarnya merupakan persetubuhan seks secara sukarela (Royal Malaysian Police (PDRM), 2018).

Malah, yang lebih menyedihkan, mereka adalah di kalangan remaja Melayu perempuan beragama Islam dalam lingkungan umur 13 hingga 15 tahun seperti jadual statistik berikut:

UMUR	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Bawah 9 tahun	53	40	29	36	35	22
10 hingga 12 tahun	89	71	58	53	61	72
13 hingga 15 tahun	1,230	1,152	965	850	743	808
JUMLAH	1,372	1,263	1,052	939	839	902

Jadual 1: Mangsa Rogol Statutori mengikut Pecahan Umur

Hakikatnya, persetubuhan seks secara sukarela di kalangan remaja ini merupakan jenayah zina yang ditegah keras di dalam Islam. Namun, disebabkan peruntukan undang-undang rogol statutori mendefinisikan elemen kerelaan adalah tidak penting dan tidak material bagi gadis bawah 16 tahun, maka ia diklasifikasikan sebagai kes rogol. Seksyen 375 (g) ini juga sering disalah gunakan untuk kepentingan peribadi oleh sebahagian individu, terutama pihak keluarga perempuan bagi menutup aib keterlanjuran anak mereka (Che Thalbi bt Md. Ismail & Aspaella bt A. Rahman, 2014).

Selain daripada itu, elemen had umur remaja perempuan dalam undang-undang rogol statutori juga menjadi isu permasalahan apabila ia dilihat tidak lagi relevan dengan perkembangan zaman dan kecanggihan teknologi pada masa kini (Che Thalbi bt Md. Ismail & Aspaella bt A. Rahman, 2014). Ini disebabkan lambakan pelbagai laman web lucu serta tidak bermoral yang mudah diakses dengan hanya di hujung jari. Ia juga merupakan faktor penyumbang utama kepada berlakunya persetubuhan luar nikah di kalangan remaja (Bazlin Darina Ahmad Tajudin & Noor Azlan Mohd. Nor, 2013; Haja Mydin Abdul Kuthoos, Noraida Endut, Azman Azwan Azmawati, Intan Hashimah Mohd Hashim, & Nor Hafizah Selamat, 2016; Norhawanirwana Habidin, Mohd Yusof Abdullah, & Mohd Azul Mohamad Salleh, 2016).

Perkara yang lebih membimbangkan adalah impak daripada rogol statutori yang dilakukan secara sukarela ini telah menyebabkan timbul beberapa masalah sosial lain, iaitu kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi (Khadijah Alavi et al., 2012; Nor Jana Saim, Dufaker, & Ghazinour, 2014). Pertambahan statistik anak luar nikah seperti yang

dilaporkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (Berita Harian Online, September 13, 2016) dari tahun ke tahun perlu diambil serius oleh semua pihak terutama bagi yang beragama Islam. Ini kerana ia melibatkan nasab keturunan yang sepatutnya dipelihara seperti yang terkandung dalam objektif syariah (*maqasid Syariah*).

Oleh yang demikian, kajian terhadap dua elemen penting dalam undang-undang rogol statutori; kerelaan dan had umur remaja perempuan, perlu dilakukan dari sudut perspektif Syariah bagi menambah baik dan menampung kekurangan undang-undang yang sedia ada.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada permasalahan kajian di atas, tujuan dan objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengkaji kerelevanan dua isu utama dalam undang-undang rogol statutori di Malaysia yang termaktub dalam Kanun Keseksaan, seksyen 375(g). Isu pertama ialah elemen kerelaan (*consent issue*) remaja perempuan yang disifatkan tidak penting oleh undang-undang. Manakala, isu kedua adalah isu had umur remaja perempuan yang terlibat dalam rogol statutori. Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan mengupas dan membincangkan dua isu ini berdasarkan perspektif Syariah.

Hasil perbincangan kertas kerja ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu dan mencambahkan lagi perbincangan ilmiah yang sedia ada. Ia juga diharapkan dapat menjadi suatu analisis untuk meneliti dan mengkaji semula undang-undang rogol statutori yang sedia ada demi memelihara maruah wanita dan nasab keturunan (*hifz al-nasl*).

METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan (*content analysis*). Metodologi yang diaplikasikan ini adalah yang paling sesuai untuk skop kajian ini bagi mendapatkan pemahaman yang mendalam terhadap undang-undang rogol statutori dan pandangan Syariah.

Data sekunder telah digunakan dalam teknik pengumpulan data yang mana ia diperoleh daripada statut undang-undang Kanun Keseksaan yang sedia ada dan kitab fikah klasik dan kontemporari. Selain itu, ia juga disokong oleh data statistik dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang didapati secara langsung dari ibu pejabat polis Bukit Aman. Data dianalisis secara tematik berdasarkan tema-tema yang dibentuk khusus berpandukan objektif kajian dengan bantuan perisian pemudah cara Atlas.ti.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Elemen Kerelaan yang Tidak Penting

Rogol menurut perspektif Syariah adalah persetubuhan secara paksa dan tanpa kerelaan antara seseorang lelaki dengan perempuan di luar perkahwinan (Azman Mohd Noor, 2010). Definisi rogol ini mempunyai beberapa persamaan dengan takrif zina (Mohamad Ismail Mohamad Yunus, 2015; Nik Rahim Nik Wajis, 1998). Zina membawa maksud persetubuhan haram di luar pernikahan antara seseorang lelaki dengan seorang perempuan dengan persetujuan dan kerelaan bersama (Ibn Najim, 1971).

Kerelaan dalam hubungan seksual membawa maksud yang sama dengan zina yang mana melakukannya secara suka sama suka dan tanpa paksaan. Ia selari dengan prinsip liabiliti jenayah di dalam Islam ke atas seseorang apabila melakukan jenayah; iaitu elemen voluntari atau sukarela ('Awdah, 2005).

Maka, jelas di sini bahawa elemen kerelaan merupakan perkara asas paling penting yang membezakan antara jenayah rogol dan zina. Elemen ini juga memberi kesan hukum yang berbeza dari sudut pandang Syariah, yang mana sekiranya ia adalah perlakuan rogol, maka hanya pelaku sahaja yang dikenakan hukuman. Manakala, sekiranya ia adalah perlakuan zina, kedua-dua pelaku iaitu lelaki dan perempuan wajar mendapat hukuman zina mengikut hukum Syarak.

Dalam konteks undang-undang rogol statutori di Malaysia, elemen kerelaan dalam hubungan seksual menjadi tidak penting dan tidak material kepada remaja perempuan di

bawah umur 16 tahun. Ia tetap akan dikira di sisi undang-undang sebagai kesalahan rogol statutori. Ini kerana undang-undang menyifatkan bahawa remaja dan kanak-kanak perempuan di bawah umur 16 tahun masih tidak dapat memahami jenis dan akibat daripada kerelaan yang mereka berikan dalam hubungan seksual (Law of Malaysia, 2015).

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tujuan undang-undang ini adalah untuk melindungi anak-anak gadis remaja dan kanak-kanak perempuan daripada sebarang eksploitasi seks dan penindasan terhadap mereka lantaran umur yang masih muda. Namun, hakikatnya ia berlaku sebaliknya.

Berdasarkan statistik dan laporan yang diperoleh dari ibu pejabat Polis Bukit Aman bahawa majoriti kes rogol statutori yang berlaku di Malaysia adalah merupakan persetujuan seksual secara sukarela antara sesama pasangan atau zina (Royal Malaysian Police (PDRM), 2018). Ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa undang-undang ini telah disalah gunakan oleh sebahagian masyarakat demi kepentingan peribadi, yang mana untuk menutup aib keluarga apabila mendapati bahawa anak gadis mereka telah terlanjur atau mengandug.

Kajian oleh Haja Mydin Abdul Kuthoos et al., (2016) terhadap beberapa remaja lelaki yang ditemu ramah di pusat pemulihan akhlak membuktikan bahawa mereka seolah-olah terperangkap oleh pihak keluarga perempuan kerana hakikatnya ia bukan rogol, sebaliknya hubungan seks yang berlaku secara sukarela.

Oleh yang demikian, berdasarkan prinsip Syariah dan laporan polis tentang realiti sebenar yang berlaku di Malaysia, maka, elemen kerelaan dalam undang-undang rogol statutori adalah penting dan tidak perlu dikesampingkan. Ini kerana ia merupakan elemen yang akan membezakan antara zina dan rogol dalam makna yang sebenar. Konsep rogol yang sebenarnya tidak patut dicampur adukkan dengan konsep zina. Ia memberikan gambaran yang salah lagi mengelirukan kepada anak-anak remaja. Pada masa yang sama, tidak perlu dirisaukan tentang eksploitasi seks kepada remaja dan kanak-kanak bawah umur kerana peruntukan seksyen 375 (c)(d)(e)(f) telah jelas menerangkan tentang isu kerelaan dalam hubungan seks yang tidak sah di sisi undang-undang seperti mana berikut: *375 (c) dengan kerelaan perempuan itu manakala kerelaannya telah didapati dengan mendatangkan kepadanya atau mana-mana orang lain ketakutan mati atau cedera, atau telah didapati melalui salah tanggapan fakta dan lelaki itu tahu atau ada sebab mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi akibat dari salah tanggapan tersebut; (d) dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu ketahui bahawa dia bukan suaminya, dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu ialah seorang lelaki yang menjadi atau yang dia percaya menjadi suaminya yang sah di sisi undang-undang atau yang kepadanya dia akan memberi kerelaan; (e) dengan kerelaannya, jika pada masa memberi kerelaan itu dia tidak boleh memahami jenis dan akibat mengenai apa yang dia memberi kerelaan; (f) dengan kerelaan perempuan itu, apabila kerelaannya didapati dengan menggunakan kedudukannya yang berkuasa ke atas perempuan itu atau atas sebab hubungan profesional atau lain-lain hubungan amanah berkaitan dengannya; (Act 574, Penal Code, 2014).*

Selain itu, elemen kerelaan yang tidak penting di sisi undang-undang rogol statutori ini juga dilihat seolah-olah menafikan kebolehan kapasiti mental kanak-kanak dan remaja perempuan dalam memahami sesuatu perkara dan memberikan keizinan. Ia bercanggah dengan Akta Keterangan seksyen 133A yang mengiktiraf kebolehan mental kanak-kanak untuk menjadi saksi perbicaraan serta memberikan keizinan perubahan (Anita Abdul Rahim, 2012).

Had Umur Remaja Perempuan

Kanak-kanak di dalam Islam adalah mereka yang belum mencapai umur baligh. Ia terbahagi kepada dua kategori, iaitu; *mumayyiz* dan *ghair mumayyiz*. *Mumayyiz* bermaksud kanak-kanak yang sudah boleh membezakan antara baik dan buruk sesuatu perkara. Ulama' menetapkan umur mereka bermula dari tujuh tahun sehingga mencapai

tanda baligh. Manakala, kanak-kanak *ghair mumayyiz* ialah kanak-kanak yang masih belum boleh membezakan antara sesuatu perkara yang baik dan buruk. Mereka adalah terdiri daripada bayi sehingga umur enam tahun (Al-Zuhaily, 2008).

Sementara itu, mereka yang telah mencapai tanda baligh melalui proses menstruasi bagi perempuan dan keluar air mani bagi lelaki dikira sebagai golongan dewasa. Ia boleh bermula seawal usia sembilan bagi kanak-kanak perempuan menurut pendapat mazhab Syafi'e (Al-Jaziri, 2002). Secara saintifiknya, perubahan fizikal dan hormon berlaku ke atas remaja perempuan apabila telah mula mengalami haid yang membolehkan sistem reproduksi mereka berfungsi.

Pembahagian kategori antara kanak-kanak dan dewasa menurut Syariah memberikan hukum, tanggungjawab dan liabiliti yang berbeza. Tanggungjawab yang dimaksudkan adalah tanggungjawab fardu ain, perkiraan dosa dan pahala seseorang yang telah mula ditanggungnya sendiri ketika mencapai tahap baligh. Begitu juga dengan liabiliti jenayah ke atas mereka telah mula dihitung sekiranya mereka melakukan sesuatu perbuatan jenayah atau kesalahan. Ini kerana mereka telah mencapai kelayakan dan kompetensi yang sempurna memikul tanggungjawab (*ahliyyah ada'al-kamilah*) dan dipanggil *mukallaf* menurut Syariah (Zaidan, 2006).

Situasi ini berbeza dengan kanak-kanak, di mana tanggungjawab fardu ain mereka belum ditanggung sepenuhnya, begitu juga dengan liabiliti jenayah. Mereka masih belum mencapai kelayakan dan kompetensi yang sempurna untuk memikul tanggungjawab (*ahliyyah ada'al-naqisah*). Walau bagaimanapun, sekiranya kanak-kanak ini melakukan kesalahan yang melibatkan hak orang lain seperti memecahkan barang seseorang, maka ganti rugi tetap dikenakan, cuma ia tertanggung ke atas ibubapa atau penjaganya (Al-Zuhaily, 2008).

Undang-undang rogol statutori di Malaysia telah menetapkan kanak-kanak dan remaja di bawah umur enam belas tahun tidak layak memberikan kerelaan dalam sebarang hubungan seks. Malah sekiranya kerelaan tetap diberikan, ia dikira sebagai kerelaan yang tidak sah dan akan disabitkan di bawah undang-undang rogol statutori. Kad pengenalan diri yang merekodkan tarikh dan tahun kelahiran remaja perempuan yang terlibat menjadi kayu ukur utama dalam mensabitkan sesuatu kes itu sama ada di bawah undang-undang rogol statutori ataupun tidak.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan kepada statistik dan laporan Polis Diraja Malaysia, majoriti kes rogol statutori yang berlaku di Malaysia adalah merupakan persetubuhan seksual secara sukarela antara sesama pasangan melibatkan umur remaja perempuan lingkungan 13 hingga 15 tahun (Royal Malaysian Police (PDRM), 2018). Dari sudut Syariah, mereka yang dalam umur sedemikian, lazimnya telah mencapai tahap baligh melalui proses menstruasi atau haid. Mereka adalah *mukallaf* yang memikul tanggungjawab penuh di sisi Syariah terhadap setiap perlakuan mereka (*ahliyyah ada'al-kamilah*). Persetubuhan seks sukarela ini lebih tepat dikira sebagai jenayah zina di dalam Islam dan bukannya rogol.

Perubahan zaman ditambah pula kecanggihan teknologi pada masa kini menjadi antara faktor penyebab yang mendorong kepada masalah salah laku seksual di kalangan remaja (Haja Mydin Abdul Kuthoos et al., 2016; Khadijah Alavi et al., 2012). Akses kepada maklumat seks dan pornografi terlalu mudah didapati hanya di hujung jari menerusi telefon pintar. Anak-anak remaja sekarang telah terdedah kepada pelbagai maklumat dan laman sosial lucah yang memburukkan lagi keadaan. Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan remaja pada hari ini seawal dua belas tahun sudah mengetahui apa itu seks. Buktinya golongan yang remaja yang paling ramai terlibat dalam kes rogol statutori secara sukarela adalah di kalangan umur 13 hingga 15 tahun (Royal Malaysian Police (PDRM), 2018).

Oleh yang demikian, berdasarkan prinsip Syariah dan realiti yang berlaku di Malaysia, had umur remaja perempuan di bawah enam belas tahun seperti mana yang ditetapkan undang-undang rogol statutori dilihat tidak lagi relevan pada masa kini berdasarkan kes-kes yang dilaporkan berlaku (Royal Malaysian Police (PDRM), 2018). Ia

perlu direndahkan lagi agar peruntukan undang-undang ini tidak disalahgunakan demi kepentingan peribadi sebelah pihak sahaja (Che Thalbi bt Md. Ismail & Aspalella bt A. Rahman, 2014).

Impak Negatif Terhadap Masyarakat

Kesan daripada elemen kerelaan yang tidak penting di sisi undang-undang rogol statutori dan penetapan had umur remaja di bawah usia enam belas tahun, banyak masalah berbangkit yang timbul. Konsep dan perbezaan sebenar antara rogol dan zina dilihat mengelirukan anak-anak remaja (Haja Mydin Abdul Kuthoos et al., 2016). Kesedaran untuk menjauhi sebarang bentuk hubungan rapat dan intim dengan yang golongan berlainan jantina tidak berjaya diterapkan melalui undang-undang ini.

Sementara itu, hanya pihak lelaki sahaja yang akan dikenakan hukuman dalam undang-undang rogol statutori meskipun perhubungan seks itu sebenarnya dilakukan secara sukarela bersama. Ia dilihat sebagai tidak adil, lebih-lebih lagi apabila pihak remaja perempuan yang turut terlibat dalam hubungan seks sukarela ini terlepas daripada tindakan undang-undang, malah bebas untuk mengulangi kesalahan yang sama dengan pasangan yang lain pula. Tiada suatu undang-undang yang bertindak untuk mengawal perlakuan seks secara salah oleh remaja perempuan di bawah umur ini. Ia jelas membuktikan suatu lompong dan kekurangan yang terdapat dalam undang-undang sedia ada.

Maka, natijahnya lahirlah lambakan anak luar, pembuangan bayi dan pengguguran haram oleh remaja bawah umur ini. Statistik membuktikan seramai 911 bayi dibuang dari tahun 2010 hingga 2018 di mana 585 daripadanya dijumpai sudah tidak bernyawa (Astro Awani, Oktober 22, 2018). Malah yang lebih menyedihkan, kesemua anak tidak saf taraf yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara pula dilaporkan datang daripada golongan Melayu muslim sahaja (Berita Harian Online, September 13, 2016). Objektif Syariah (*maqasid Syariah*) dalam penjagaan nasab keturunan dan nyawa (*hifz al-nasl wa hifz al-nafs*) terabai dan tidak terpelihara. Undang-undang yang sedia ada ini dilihat tidak mencapai maksud dan objektifnya yang bertindak sebagai pelindung dan pengawal kepada kesejahteraan masyarakat.

Oleh itu, berikut adalah beberapa cadangan penambahbaikan terhadap undang-undang rogol statutori yang diharmonikan dengan prinsip Syariah:

1. Elemen kerelaan seharusnya digugurkan daripada undang-undang rogol statutori di Malaysia berdasarkan hujah:
 - a) statistik dan realiti yang berlaku seperti mana laporan dari Polis Diraja Malaysia (PDRM)
 - b) sebagai satu langkah pencegahan untuk mengelakkan mafsadah yang lebih besar, (*sadd zara'ie*), daripada berleluasa persetubuhan luar nikah atau zina ini di kalangan remaja. Ia juga dapat membendung masalah lain rentetan daripada kes zina ini, seperti pengguguran haram, pembuangan bayi dan perkahwinan di bawah umur.
 - c) supaya menjadi elemen perbezaan antara jenayah rogol dan zina. Ia untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan remaja. Persetubuhan secara sukarela di luar pernikahan adalah zina yang ditegah di dalam Islam. Ia sepatutnya disabitkan di bawah jenayah zina, bukannya rogol dan perlu dibicarakan di bawah mahkamah Syariah.
 - d) supaya tidak disalahgunakan oleh sebahagian pihak keluarga perempuan untuk menutup aib atau melepaskan diri dengan memerangkap pihak lelaki di bawah klausa ini.
2. Had umur remaja perempuan untuk memberikan kerelaan perlu diturunkan lagi berdasarkan realiti yang berlaku pada masa kini, ditambah pula dengan kecanggihan teknologi. Ia perlu selari dengan perubahan seksualiti dan mental remaja serta kanak-kanak perempuan ketika ini. Ia dicadangkan untuk diturunkan kepada umur sepuluh tahun berdasarkan realiti kes yang berlaku pada masa kini

dan pendapat mazhab Syafi'e yang meletakkan usia minimum remaja perempuan mencapai tahap baligh atau menstruasi.

PENUTUP

Kesimpulannya, elemen kerelaan dan had umur yang menjadi syarat utama dalam undang-undang rogol statutori di Malaysia adalah kurang relevan pada masa kini dan perlu diteliti dan ditambah baik. Ia dicadangkan untuk diharmonikan dengan prinsip Syariah. Ini bertujuan untuk membendung masalah zina atau persetubuhan luar nikah secara sukarela yang berleluasa di kalangan remaja.

Ia juga bertujuan untuk mengawal masalah sosial lain rentetan daripada kesalahan zina ini seperti kelahiran anak luar nikah, pengguguran secara haram, pembuangan bayi dan perkahwinan bawah umur yang kurang matang. Undang-undang rogol statutori diharapkan dapat menjadi pelindung dan pembela kepada kesejahteraan sosial masyarakat. Lebih besar lagi, ia diharapkan dapat menjadi satu medium untuk menjaga maruah wanita dan memelihara nasab keturunan (*hifz al-nasl*) seperti mana dalam objektif Syariah (*maqasid Syariah*).

RUJUKAN

- 'Awdah, A. Q. 2005. *Al- Tashri' al-Jinaie al-Islami, Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'ie*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Act 574, Penal Code, L. of M. 2014. Penal code.
- Al-Jaziri, A. R. bin M. I. 2002. *Kitab al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.
- Al-Zuhayliyy, Wahbah. 2008). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimasq, Syria: Dar al-Fikr.
- Anita Abdul Rahim. 2012. *Jenayah Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Ibn Najim, Z. I. M. 1971. *Al-Bahr Al-Ra'iq Sharh Kanz Al-Daqa'iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, & Noorhasliza Mohd Nordin. 2012. *Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja*. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 131–140.
- Law of Malaysia. Act 574, Penal Code, Rape Law, Article §. 2015. Retrieved from http://defensewiki.ibj.org/images/c/cc/Malaysian_Constitution.pdf
- Mohamad Ismail Mohamad Yunus. 2015. *The Central Issue in the Rape Trial*. Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia (IIUM) Press.
- Royal Malaysian Police (PDRM). 2018). *Rape Statistic*.
- Zaidan, Abd al-Karim. 2006. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Al-Risalah Publishing House.

Jurnal

- Azman Mohd Noor. 2010. Rape: A Problem of Crime Classification in Islamic Law. *Arab Law Quarterly*, 24, 417–438.
- Bazlin Darina Ahmad Tajudin, & Noor Azlan Mohd. Nor. 2013. Social Media and Statutory Rape: A Note from Contigent Police Headquarter (IPK), Kuala Lumpur Malaysia. In *Understanding Sociological Issues*. Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia (IIUM) Press.
- Che Thalbi bt Md. Ismail, & Aspalella bt A. Rahman. 2014. Statutory Rape Law in Malaysia: The Issue of Consent. *Current Law Journal (CLJ)*, 1(LNS (A) lxxv), 1–15.
- Haja Mydin Abdul Kuthoos, Noraida Endut, Azman Azwan Azmawati, Intan Hashimah Mohd Hashim, & Nor Hafizah Selamat. 2016. Penerokaan Awal Terhadap Jenayah Seksual Dalam Kalangan Remaja Lelaki Di Malaysia: Satu Kajian Kes Terhadap Remaja Di Sebuah Pusat Pemulihan. In *3rd KANITA Postgraduate International Conference on Gender Studies* (pp. 188–200).
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, & Noorhasliza Mohd Nordin. 2012. *Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja*. *Journal*

of Social Sciences and Humanities, 7(1), 131–140.

Nik Rahim Nik Wajis. 1998. Jenayah Rogol di dalam Undang-undang Islam. *Jurnal Syariah*, 6, 73–80.

Nor Jana Saim, Dufâker, M., & Ghazinour, M. 2014. Teenagers' Experiences of Pregnancy and the Parents' and Partners' Reactions: A Malaysian Perspective. *Journal of Family Violence*, 29(4), 465–472. <https://doi.org/10.1007/s10896-014-9595-4>

Norhawanirwana Habidin, Mohd Yusof Abdullah, & Mohd Azul Mohamad Salleh. 2016. Online Pornography on Smartphones amongst the Teenage Juvenile. *Humanities and Social Sciences Review*, 06(01), 355–366.

Akta

Act 574, Penal Code, Law of Malaysia (2014). Penal code.

Law of Malaysia. Act 574, Penal Code, Rape Law, Article § (2015). Retrieved from http://defensewiki.ibj.org/images/c/cc/Malaysian_Constitution.pdf.

Internet

Harits Asyraf Hasnan. 22 Oktober 2018. "4,000 Remaja Bawah 18 Tahun Hamil Setahun". Astro AWANI. <<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/4-000-remaja-bawah-18-tahun-hamil-setahun-188916>>

n.a. 10 September 2016. "3,980 Remaja Hamil Anak Luar Nikah". *Utusan Online*. <<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/3-980-remaja-hamil-anak-luar-nikah-1.380841>>

n.a. 2 Februari 2016. "Tujuh Kes Rogol Bawah Umur Setiap Hari". *Utusan Online*. <<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/tujuh-kes-rogol-bawah-umur-setiap-hari-1.185859>>

Sophia Ahmad. 13 September 2016. "159,725 Anak Tak Sah Taraf Didaftarkan Sejak 2013: JPN". *BH Online*. <<https://www.bharian.com.my/node/192319>>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.